

**UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU****PEPERIKSAAN AKHIR****SEMESTER II SESI 2018/2019 (SARJANA MUDA)**

KURSUS	: ISLAM DAN EKONOMI
KOD KURSUS	: NCC3001
TARIKH	: 15 JUN 2019 (SABTU)
TEMPAT	: DEWAN SULTAN MIZAN
MASA	: 9.00-11.00 PAGI (2 JAM)

NO. MATRIK	: _____
NAMA PROGRAM	: _____
NO. MEJA	: _____

ARAHAN KEPADA CALON

- i. Sila jawab semua soalan.
- ii. Sila tanda jawapan anda pada kertas OMR yang disediakan.

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG TIGA BELAS (13) MUKA SURAT BER CETAK

BAHAGIAN A:**Sila jawab semua soalan**

1. Berikut adalah syarat-syarat yang mewajibkan pengeluaran zakat **kecuali**:
 - A. beragama Islam
 - B. harta yang sudah cukup nisab
 - C. harta mencecah haul 10 bulan
 - D. pemilikan secara sempurna (*Milku tam*)
2. Perkataan *al-Iqtisad* sering dikaitkan dengan ilmu:
 - A. akhlaq
 - B. aqidah
 - C. ekonomi
 - D. tasawwuf
3. Berikut adalah ciri-ciri yang ditekankan oleh agama dalam urusan ekonomi:
 - i melaksana perintah Allah
 - ii memudahkan urusan manusia
 - iii keadilan dalam setiap urusan
 - iv amanah dalam setiap pekerjaan
 - A i sahaja
 - B. i, iii dan iv
 - C. i, ii dan iii
 - D. Semua di atas
4. Surah *al-Isra'* ayat 26: '

"Dan berikanlah kepada kerabatmu, dan orang miskin serta orang musafir akan haknya masing-masing, dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampau."

Ayat ini lebih tepat memperincikan tentang:

- i. kepentingan infaq ke jalan Allah
 - ii. keutamaan kaum kerabat dalam pemberian harta
 - iii. Allah selaku pemilik mutlak bagi segala sesuatu
 - iv. tegahan dan larangan membazir dalam setiap perkara
- A. i dan ii
 - B. i, ii dan iv
 - C. i dan iii
 - D. Semua di atas

5. Tokoh-tokoh yang banyak mengutarakan persoalan ekonomi Islam sebagaimana berikut **kecuali**:
- A. Said Hawa
 - B. Engku Aziz
 - C. Sayyid Qutb
 - D. Zaharuddin Abdul Rahman
6. Antara aspek yang diambilkira sebagai penerima wang zakat:
- i. Beragama Islam
 - ii. Anak yatim yang kesempitan hidup
 - iii. Seorang yang kais pagi makan pagi
 - iv. Golongan miskin yang tidak meminta-minta
- A. i dan ii
 - B. i, dan iii
 - C. i, iii dan iv
 - D. Semua di atas
7. Pengurusan ekonomi Islam lebih berkesan melalui pendekatan berikut:
- A. Tarbiyah jiwa dan penguatkuasaan undang-undang
 - B. Teguran dan nasihat berguna dalam urusan ekonomi
 - C. Didikan agama yang berterusan tanpa jemu dan putus asa
 - D. Sifat serta kebaikan semulajadi yang ada pada diri manusia
8. Tatacara pemerolehan harta adalah melalui pendekatan berikut **kecuali**:
- A. Wasiat saudagar kaya
 - B. Warisan harta pusaka
 - C. Hasil jual beli di pasaraya
 - D. Upah kerja di kilang arak
9. Penubuhan bank-bank berteraskan Islam antara lain mewujudkan 'Sistem Perbankan Islam tanpa riba'. Manakah antara berikut institusi perbankan Islam terawal di Malaysia?
- A. Tabung Haji
 - B. Bank Islam Malaysia
 - C. Bank Muamalat
 - D. Bank Rakyat

10. Matlamat pelaksanaan undang-undang Syariah ialah:

- i. Satu bentuk Ibadah
- ii. Membentuk Keadilan
- iii. Memelihara kepentingan umum
- iv. Memelihara kepentingan individu

- A. i dan ii
- B. ii dan iii
- C. i, ii dan iii
- D. Semua di atas

11. Perkataan *Muamalat* dalam sistem perbankan Islam bermaksud:

- A. Transaksi
- B. Pergaulan
- C. Kewangan
- D. Peraturan

12. Prinsip harta dalam Islam berteraskan konsep:

- A. Allah pemilik mutlak
- B. Harta sebagai ujian hidup
- C. Harta sebagai medium ibadah
- D. Semua di atas

13. Adil dalam Islam bermaksud:

- A. Hak sama rata dalam pemberian
- B. Hak pemilikan yang menyeluruh
- C. Meletakkan sesuatu kena pada tempatnya
- D. Mengutamakan keluarga dalam pemberian harta

14. Fakir dan miskin dalam penerimaan zakat adalah sebagaimana berikut **kecuali**:

- A. Berbeza dari sudut tahap keperluan hidup
- B. Mereka termasuk kategori penerima zakat
- C. Status miskin lebih baik berbanding fakir
- D. Fakir lebih rajin bekerja berbanding miskin

15. Zakat dan hibah adalah berbeza dari aspek berikut :

- i. Niat
- ii. Hukum
- iii. Penerima
- iv. Jenis barang

- A. i dan ii
B. i, ii dan iii
C. i, ii dan iv
D. Semua di atas
16. Zakat mula difardhukan sewaktu Nabi SAW berada di:
A. Mekah
B. Quba'
C. Taif
D. Madinah
17. Antara kebaikan hak milik individu (*mulkiyyah fardiyah*) sepetimana yang digariskan oleh agama ialah:
i. Mengiktiraf kebebasan individu dalam mencari harta
ii. Membuka ruang kesungguhan individu untuk bekerja
iii. Menanamkan semangat untuk mencari harta
iv. Membolehkan individu menggunakan harta sebebasnya
A. i dan ii.
B. ii dan iii
C. i, ii dan iii
D. Semua di atas
18. Pengabdian diri kepada Allah SWT. menuntut manusia melaksanakan perkara berikut:
i. Wajib percaya bahawa Allah memiliki sifat-sifat *kamalat* (kesempurnaan)
ii. Meyakini bahawa segala sesuatu yang ada di Alam kepunyaan Allah
iii. Melaksanakan perintah Allah dalam semua urusan
iv. Berbuat baik sesama makhluk Allah
A. i dan ii
B. ii dan iii
C. i, ii dan iii
D. Semua di atas
19. Abu telah memiliki simpanan wang melebihi kadar nisab yang ditetapkan syara'. Bayaran zakat beliau dibuat dengan menggunakan mata wang Euro dan bukannya dengan Ringgit Malaysia. Apakah hukum pembayaran tersebut?
A. Sah
B. Haram
C. Makruh
D. Tidak sah

20. Seorang bayi perempuan dilahirkan pada waktu Asar sebelum malam Raya Puasa. Apakah hukum pembayaran zakat fitrahnya?
- A. Wajib bayar zakat
 - B. Tidak wajib zakat
 - C. Makruh bayar zakat
 - D. Sunat bayar zakat
21. *Nisab* dalam urusan zakat bermaksud:
- A. Sesuatu yang menjadi kebiasaan
 - B. Kadar pembayaran wajib bagi zakat
 - C. Tempoh masa bayaran bagi zakat
 - D. Denda lewat ke atas bayaran zakat
22. Binatang ternakan kambing dan lembu dikenakan zakat kerana kedua-duanya:
- A. Mempunyai nilai dalam jual beli
 - B. Ternakan yang memberi hasil
 - C. Boleh diperdagangkan
 - D. Semua di atas
23. Khalifah yang memimpin perlu memiliki ciri-ciri berikut **kecuali**:
- A. Ikhlas dalam semua perkara
 - B. Taqwa dalam semua perkara
 - C. Bertolak ansur dalam semua perkara
 - D. Menyediakan peluang perniagaan secara adil
24. Hak milik umum dalam Islam bermaksud:
- A. Segala harta yang dikhususkan bagi kepentingan awam
 - B. Harta yang diwasiatkan untuk kegunaan pihak tertentu.
 - C. Harta peninggalan para pemimpin Islam yang terdahulu
 - D. Segala harta yang diwarisi dari satu generasi ke generasi lain
25. Wang emas termasuk dalam kategori harta berikut **kecuali**:
- A. Harta Alih
 - B. *Mutaqawwim*
 - C. *Ghair Mutaqawwim*
 - D. Harta yang dikenakan zakat

26. *Ashab al-Furudh* bermaksud:
- A. Golongan yang mengambil baki harta si mati
 - B. Golongan yang ditentukan kadar terhadap harta si mati
 - C. Golongan yang mengawal segala harta milik si mati
 - D. Golongan yang terhalang mewarisi harta peninggalan si mati
27. Dalam Islam, amalan pertukaran barang selalunya dikaitkan dengan:
- A. Jenis riba
 - B. Jual beli
 - C. Hutang piutang
 - D. Pembayaran zakat
28. Bersih, suci, kembang dan subur adalah gambaran bagi definisi:
- A. Zakat
 - B. Riba
 - C. Khiyar
 - D. Sedekah
29. Bertambah, lebih dan untung umumnya dikaitkan dengan urusan:
- A. Sedekah
 - B. Riba
 - C. Jual beli
 - D. Hibah
30. Ahmad seorang peniaga yang berjaya. Beliau ingin mengeluarkan zakat perniagaan setelah memenuhi syarat-syarat wajib zakat. Apakah prosedur paling tepat yang perlu beliau lakukan dalam pengiraan zakat tersebut?
- A. Mendapat khidmat nasihat peguam
 - B. Menilai semua barang yang diniagakan sahaja termasuk duit simpanan berkaitan serta hutang yang pasti diperoleh semula
 - C. Menilai semua sekali barang yang ada dalam premis perniagaan
 - D. Menilai semua barang yang diniagakan termasuk nilai bangunan tempat perniagaan.
31. Dasar ekonomi Islam meletakkan hak dan tanggungjawab pihak laki-laki lebih berat berbanding wanita dan dimanifestasikan dalam aspek berikut iaitu:
- A. Upah
 - B. Pendidikan
 - C. Warisan harta pusaka
 - D. Jenis pekerjaan yang dilakukan

32. Apakah yang dimaksudkan dengan ibadah umum?
- A. Amalan-amalan yang wajib ke atas setiap umat Islam seperti solat, zakat, puasa dan haji
 - B. Amalan-amalan khusus seperti tahlil dan kenduri arwah
 - C. Amalan yang disunatkan seperti puasa sunat, solat sunat dan seumpamanya
 - D. Amalan selain yang wajib mendekatkan diri dengan Allah
33. Pelopor ekonomi sosialis Barat seringkali dikaitkan dengan nama berikut:
- A. Karl Marx
 - B. Charles Darwin
 - C. Adam Smith
 - D. Bernard Lewis
34. Syarat wajib zakat keseluruhannya terbahagi kepada:
- A. 3
 - B. 4
 - C. 5
 - D. 6
35. Berikut adalah adab-adab bersedekah sebagaimana digariskan oleh Islam **kecuali**:
- A. Tidak mengungkit-ungkit semula
 - B. Tidak menyinggung perasaan penerima
 - C. Tidak disertai niat-niat secara khusus
 - D. Tidak mengharapkan balasan atas setiap pekerjaan
36. Dalam urusan zakat, mereka yang meminta-minta dan sentiasa memerlukan bantuan kewangan dikaitkan dengan golongan berikut:
- A. Miskin
 - B. Fakir
 - C. Peminta sedekah
 - D. Peminjam
37. Dalam ajaran Islam, orang yang menolak peminta-peminta sedekah dengan perkataan yang baik adalah lebih baik daripada orang yang memberikan sedekah lalu diiringi dengan menyakiti hati penerimanya. Ini memberi gambaran berikut:
- A. Keikhlasan adalah penting dalam setiap pekerjaan
 - B. Dibenarkan berdolak dalih dengan golongan fakir
 - C. Sifat meminta-minta adalah dibenarkan dalam agama
 - D. Orang yang meminta-minta lebih mulia dari pemberi sedekah

38. Berikut adalah pernyataan yang benar mengenai zakat, sedekah dan infaq:

- i. Orang yang bersedekah di jalan Allah akan beroleh pahala yang besar
 - ii. Allah maha mengetahui apa yang dibelanjakan oleh setiap hambaNya
 - iii. Kepentingan zakat disebut secara bersekali dengan kewajipan solat dalam al-Quran
 - iv. Bani Israel (Yahudi) pernah diwajibkan untuk menunaikan solat dan mengeluarkan zakat dalam syariat mereka
- A. i dan ii
B. i, ii dan iii
C. i, iii dan iv
D. Semua di atas

39. Konsep derma (*infaq*) sebahagian harta dalam Islam adalah mengambil kira ketetapan berikut:

- i. Menderma apa yang lebih dari keperluan
 - ii. Mendahulukan ibu bapa, kaum kerabat dan seterusnya fakir miskin
 - iii. Berlumba-lumba dalam melaksanakan kebajikan infaq
 - iv. Allah akan melipat gandakan infaq yang dilakukan oleh hambaNya
- A. i dan iii
B. i, iii dan iv
C. i dan iv
D. Semua di atas

40. Pengurusan harta anak-anak yatim perlu mengambil kira aspek berikut **kecuali**:

- A. Tidak menggunakannya kecuali untuk kebajikan mereka
B. Berlaku adil dalam setiap urusan melibatkan harta tersebut
C. Mengikut semua kemahuan anak-anak yatim dalam perbelanjaan
D. Mengawal dan mengembangkan harta tersebut sepatimana kehendak agama

41. Berikut adalah kaedah urusan hutang-piutang yang dibenarkan syara':

- i. Menghalalkan hutang adalah lebih baik dari menerima penangguhan bayaran
 - ii. Orang yang berhutang perlu berusaha untuk membayar semula hutang
 - iii. Perlu ada dua orang saksi lelaki terhadap urusan hutang-piutang
 - iv. Orang yang berhutang digalakkan membayar hutang dengan sedikit imbuhan kepada pemberi hutang
- A. i sahaja
B. i dan ii
C. i, ii dan iii
D. Semua di atas

42. Konsep kerja dalam Islam menetapkan garis panduan berikut **kecuali**:
- A. Laki-laki dan wanita diberi hak (upah) sama rata
 - B. Tidak mengharapkan imbuhan semata-mata dalam pekerjaan
 - C. Kerja sebagai sebahagian dari ibadah yang direhui Allah
 - D. Kerja sebagai peluang menunjuk-nunjuk kebolehan diri seseorang
43. Berikut adalah pernyataan yang benar tentang harta dari sudut pandangan Islam:
- i. Harta adalah ujian kepada manusia
 - ii. Terdapat harta alih dan harta tak alih
 - iii. Perniagaan adalah satu sumber memperolehi harta
 - iv. Harta sebagai wasilah (alat) pelaburan untuk akhirat
- A. i dan ii
 - B. ii dan iii
 - C. i, ii dan iii
 - D. Semua di atas
44. Dalam sejarah Islam, Baitul Mal adalah merujuk kepada institusi berikut:
- A. Jabatan Perbendaharaan Islam
 - B. Pusat Khidmat Masyarakat Setempat
 - C. Pusat Pengurusan harta zakat semata-mata
 - D. Pusat kebajikan masyarakat Islam dan bukan Islam
45. Berikut adalah bukan senarai penerima harta pusaka si mati **kecuali**:
- A. Anak perempuan tiri si mati
 - B. Adik angkat si mati yang berlainan ibu dan bapa
 - C. Anak si mati yang ditinggalkan sejak dari kecil
 - D. Bekas isteri si mati yang baru sahaja diceraiakan
46. Penjual, Pembeli, barang, Harga dan Akad adalah rukun-rukun bagi :
- A. Jual beli
 - B. Pelaburan
 - C. Gadaian
 - D. Simpanan wang
47. *Tauhid Rububiyyah* bermaksud :
- A. Mempercayai Allah sebagai Pencipta dan Pemberi Rezeki
 - B. Mempercayai Allah selaku Pengatur kehidupan seluruhnya
 - C. Mempercayai Allah selaku Tuhan bagi sekalian alam ini
 - D. Semua di atas

48. *Tauhid* berbeza dengan *Mulhid* dari sudut:

- A. Keyakinan kepada Tuhan yang Satu
- B. Kehidupan di atas dunia yang sementara
- C. Urusan ekonomi yang adil
- D. Kepercayaan adanya kuasa

49. Berikut adalah jenis-jenis zakat harta:

- i. Zakat ternakan
 - ii. Zakat tanaman
 - iii. Zakat emas perak
 - iv. Zakat dari sumber pendapatan
- A. i dan ii
 - B. i, ii dan iii
 - C. i, iii dan iv
 - D. Semua di atas

50. Antara kebaikan bersedekah adalah sebagaimana berikut **kecuali**:

- A. Memupuk semangat persaudaraan
- B. Menjalin hubungan kasih sayang
- C. Menjauhkan sifat iri hati dalam masyarakat
- D. Mendidik sifat jimat-cermat dalam perbelanjaan harta

BAHAGIAN B

Tandakan Betul (A) atau Salah (B) pada pernyataan berikut:

51. Sistem kewangan Islam adalah termasuk urusan ibadah khusus.
=A= =B=

52. Derma, bantu saudara mara dan zakat termasuk dalam kategori *infaq*.
=A= =B=

53. Zakat dan cukai memiliki banyak persamaan dari sudut pengurusannya.
=A= =B=

54. Kambing dan unta adalah termasuk dalam kategori zakat *al-Mal*.
=A= =B=

55. Semua anak-anak yatim termasuk kategori golongan fakir dan miskin.
=A= =B=

56. *Asabah* bermaksud mengambil saki baki harta di mati setelah dibahagikan kepada golongan yang berhak.
=A= =B=
57. Zakat Fitrah tetap dikenakan kepada anak-anak kecil pada bulan Ramadhan.
=A= =B=
58. Golongan yang kaya tidak mempunyai hak sama sekali pada harta zakat.
=A= =B=
59. Semua harta *mutaqawwim* adalah berharga dan wajib dikenakan zakat.
=A= =B=
60. Kenaan zakat terhadap binatang ternakan (lembu) adalah lebih tinggi berbanding ternakan kambing atau biri-biri.
=A= =B=
61. Isteri si mati akan memperolehi 1/4 atau 1/8 harta si mati.
=A= =B=
62. Orang-orang fakir dan miskin berhak untuk meminta wang zakat mereka dari orang kaya.
=A= =B=
63. Arak dan bangkai termasuk dalam kategori barang yang tidak sah urusan jual beli.
=A= =B=
64. Islam menegah pemberian sedekah secara terang-terangan secara menunjuk-nunjuk sehingga diketahui oleh orang lain.
=A= =B=
65. Bayaran zakat dari anak kepada ibu kandungnya (tanggungan) sendiri adalah tidak sah.
=A= =B=
66. Islam adalah agama yang menekankan kepada aspek Aqidah, Syariat dan Akhlaq.
=A= =B=
67. *Dhawil Arham* merujuk kepada para waris si mati yang layak menerima harta pusaka.
=A= =B=
68. Imam Syafie mengklasifikasikan emas dan perak sebagai bahan ribawi yang perlu diperhalusi aspek pertukaran yang dilakukan.
=A= =B=
69. Anak luar nikah layak terima harta pusaka peninggalan ibu kandungnya yang telah meninggal dunia.
=A= =B=

70. Terdapat 25 golongan penerima harta pusaka yang layak dan hanya 5 golongan sahaja yang berhak sekiranya kesemua golongan tersebut masih hidup.
=A= =B=
71. *Hijab Hirman* merujuk kepada golongan yang layak menerima separuh sahaja harta si mati.
=A= =B=
72. Riba *Fadhl* dan Riba *Yad* bersumberkan dari transaksi bahan-bahan yang sama jenis.
=A= =B=
73. *Tauhid Asma' wal Sifat* turut dikaitkan dengan *Tauhid* ibadah.
=A= =B=
74. Ungkapan 'Allah sahaja yang layak disembah dan Tiada Sekutu bagiNya' adalah gambaran ciri-ciri keyakinan manusia kepada *Tauhid Uluiyyah*.
=A= =B=
75. Antara dasar umum ekonomi Islam ialah 'harta tidak berlegar dalam kalangan orang kaya semata-mata.'
=A= =B=
76. Terdapat juga jenis riba *duyun* dan riba *buyu*' dalam urusan kewangan masakini.
=A= =B=
77. Golongan *Ibnu Sabil* boleh juga terdiri dari mereka yang kaya dengan syarat tertentu.
=A= =B=
78. *Al-Rahnu* dan Hutang piutang banyak memiliki persamaan dari sudut pelaksanaannya.
=A= =B=
79. Konsep *Wadiyah* terbahagi kepada 2 bentuk iaitu wadiyah sebagai *Yad amanah* dan wadiyah sebagai *Yad dhamanah*.
=A= =B=
80. Rukun *Mudharabah* adalah sebagaimana berikut: penjual, pembeli, barang, harga dan akad.
=A= =B=

-Kertas Soalan Tamat -